

KEMALANGAN & KESIHATAN

THE GLADIATOR ENHANCED



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)



THE GLADIATOR ENHANCED

Insurans Kemalangan Peribadi

Perlindungan yang lebih menyeluruh, had yang lebih tinggi dan bonus pembaharuan – sememangnya perlindungan terbaik untuk anda sekeluarga.

Tidak kira betapa cermatnya anda, malang tidak berbau. Hidup patut dinikmati dengan keyakinan dari perlindungan insurans kemalangan peribadi yang komprehensif. Dengan The Gladiator Enhanced, anda sedia menghadapi sebarang dugaan.

KEISTIMEWAAN

Faedah Kewajipan Kewangan

Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal, kami akan menyelesaikan jumlah bayaran balik bulanan atau ansuran anda sehingga tempoh maksimum enam bulan atas baki pinjaman perumahan dan / atau pinjaman kereta dan / atau baki akaun kad kredit anda pada masa kemalangan. Jumlah bayaran adalah bergantung kepada jenis pelan yang anda pilih.

Faedah Kemasukan Dan Keluar Hospital Tanpa Tunai

Jikalau berlaku kemalangan yang mengakibatkan kemasukan ke hospital, anda boleh menghubungi rakan perniagaan kami Integrated Health Plans (Malaysia) Sdn. Bhd. ("IHP") melalui 1800 82 6119 (24 jam). Mereka akan memudahkan kemasukan atau discaj dari hospital yang berkenaan dengan memberikan jaminan kepada hospital berkenaan sehingga RM2,500 tetapi tertakluk kepada Had Maksimum Belanja Perubatan Diinsuranskan.

Elaun Perkabungan untuk Demam Denggi, Malaria, JE, SARS atau Chikungunya

10% daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan akan dibayar sekiranya berlaku kematian yang diakibatkan oleh Demam Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun (JE), Sindrome Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) atau Chikungunya.

Faedah Penculikan

Jumlah wang sebanyak RM5,000 untuk belanja keperluan yang ditanggung oleh keluarga Orang Yang Diinsuranskan dan kami juga menawarkan ganjaran RM25,000 bagi maklumat untuk mendapatkan kembali Orang Yang Diinsuranskan itu berdasarkan penentusahan dan pengesahan kami. Di samping itu, Jumlah Pokok Diinsuranskan akan dibayar sepenuhnya jika Orang Yang Diinsuranskan yang diculik itu tidak dijumpai kembali selepas tempoh satu (1) tahun dari hari penculikan tersebut.

Perlindungan atas Hilang Upaya Kekal Pada Genitalia

10% daripada Jumlah Pokok Diinsuranskan akan dibayar sekiranya berlaku mati pucuk atau kemandulan yang diakibatkan oleh suatu kemalangan.

Luka Terbakar Yang Serius (Tahap Ketiga)

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami kebakaran tahap ketiga akibat kemalangan, jumlah wang yang dispesifikasikan dalam Jadual Faedah akan dibayar.

BAYARAN EKSPRES UNTUK ELAUN PERKABUNGAN

Sekiranya berlaku kematian yang diakibatkan oleh kemalangan, elaun perkabungan sebanyak RM6,000 akan dibayar kepada Penama selepas pemberitahuan kematian tersebut kepada Syarikat.

KENAIKAN DALAM JUMLAH DIINSURANSKAN

Bonus Tanpa Tuntutan

Jumlah Pokok Diinsuranskan untuk Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal akan ditambahkan sebanyak 10% pada setiap pembaharuan sehingga maksimum 100% jika tiada tuntutan dibuat di bawah faedah Hilang Upaya Kekal atau Indemniti Berganda.

Nota: Tidak berkenaan bagi polisi kumpulan.

Indemniti Berganda

Faedah di bawah Polisi ini akan digandakan jika berlaku kematian atau kelumpuhan menyeluruh kekal ke atas Orang Yang Diinsuranskan ketika dalam perjalanan sebagai seorang penumpang yang membayar tambang di dalam sebarang jenis pengangkutan awam (termasuk kenderaan e-hailing yang sah) atau dalam perjalanan di luar negara.

Indemniti Tambahan akibat Kemalangan di rumah

Tambahan 25% daripada jumlah modal asal yang diinsuranskan akan dibayar sekiranya berlaku kemalangan di rumah menyebabkan kematian atau hilang upaya kekal di mana peratusan pampasan yang perlu dibayar adalah 50% atau lebih.

FAEDAH KOMPREHENSIF

Hilang Upaya Kekal atau Kematian

Pembayaran penuh sekiranya kematian atau hilang upaya kekal yang diakibatkan oleh kemalangan.

Faedah Elaun Tunai Hospital

Faedah harian sehingga maksimum 180 hari akan dibayar untuk tempoh Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan di dalam hospital, lebih daripada 12 jam bagi rawatan kecederaan anggota badan akibat daripada kemalangan.

Pembayaran Balik untuk Protesis / Kerusi Roda

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami hilang upaya kekal disebabkan suatu kemalangan, Syarikat akan membayar balik Orang Yang Diinsuranskan kos membeli kerusi roda, lengan atau kaki palsu atau tongkat ketiak yang disyorkan oleh doktor / doktor bedah pakar yang merawatnya sehingga had maksimum RM1,000.

Perbelanjaan Ambulans

Pembayaran balik belanja sebenar yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans yang perlu diberi dalam Malaysia ke dan / atau dari Hospital sehingga jumlah maksimum RM2,000 setiap kemalangan dengan syarat Bayaran Ambulans sedemikian ditanggung akibat kemalangan ke atas Orang Yang Diinsuranskan.

Perlindungan Ehsan

RM200 seminggu sehingga maksimum RM1,000 dibayar untuk perbelanjaan yang munasabah bagi elaun perjalanan dan penginapan oleh seorang (1) ahli keluarga untuk menjaga dan / atau menemani Orang yang Diinsuranskan yang berusia tidak lebih daripada 12 tahun dalam tempoh penginapan di hospital akibat kemalangan.

Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah

Pembayaran balik belanja sebenar sehingga jumlah maksimum RM10,000 bagi menghantar pulang jenazah Orang Yang Diinsuranskan ke negara asalnya jika kematian Orang Yang Diinsuranskan disebabkan suatu kemalangan ketika dalam perjalanan di luar negara asalnya.

Pembedahan Pergigian atau Pembaikan Kosmetik

Pembayaran balik belanja sebenar sehingga had maksimum RM5,000 setiap kemalangan yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk Pembedahan Pembetulan Gigi atau Pembaikan Kosmetik yang dijalankan pada leher, kepala dan dada (pusat ke atas) Orang Yang Diinsuranskan berikutan kecederaan yang dialami akibat suatu kemalangan.

Koma

Jumlah Pokok Diinsuranskan akan dibayar setelah disahkan oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan dan berdaftar secara sah bahawa Orang Yang Diinsuranskan telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebab suatu kemalangan.

Ragut

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan menjadi mangsa kecurian ragut, sejumlah RM350.00 akan dibayar dengan syarat Laporan Polis dibuat dalam masa 24 jam dari kejadian.

Keguguran akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor

Pembayaran balik sehingga RM1,000 setiap orang setiap kemalangan bagi perbelanjaan perubatan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami keguguran akibat kemalangan kenderaan bermotor, sama ada sebagai pejalan kaki, penumpang, pembonceng motor atau pemandu/penunggang.

Liabiliti Diri

Perlindungan liabiliti di bawah undang-undang untuk anda ke atas kecederaan dan kerosakan harta benda pihak ketiga.

PERLINDUNGAN PILIHAN

Faedah Mingguan

Sekiranya anda tidak dapat menjalankan tugas biasa atau sebahagian besar pekerjaan, profesion atau perniagaan biasa, pampasan mingguan akan dibayar sehingga maksimum 52 minggu. Jumlah pampasan adalah bergantung kepada jenis pelan yang anda pilih.

PERLINDUNGAN LANJUTAN

- Bermotorsikal
- Pembunuhan yang tidak diprovokasi dan serangan
- Sesak Nafas disebabkan oleh asap, gas beracun atau wasap
- Keracunan Makanan atau Minuman
- Mabuk akibat Alkohol
- Mabuk akibat pengambilan ubat
- Sukan Amatir
- Sukan Musim Sejuk
- Memburu
- Permainan Polo
- Terjunan Bungee
- Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam
- Serangga, Ular dan Serangan Binatang
- Lemas
- Rampasan
- Kehilangan
- Pendedahan kepada Malapetaka Semulajadi
- Sukan Air termasuk Sukan Perahu Layar & Permainan Ski Air
- Bencana Alam seperti Gempa Bumi, Banjir, Tsunami dan sebagainya.

PENGECUALIAN

- Ketidaksiuman, Bunuh Diri, Kecederaan yang diakibatkan oleh diri sendiri secara sengaja
- Penyakit, HIV, AIDS, ARC
- Kelahiran, Keguguran kecuali akibat kemalangan kenderaan, Kehamilan
- Kecacatan sejak lahir, Kecacatan fizikal dan mental yang sedia ada atau Keuzuran
- Pembunuhan diprovokasi atau serangan yang dirangsang
- Ketika menjalankan / melakukan aktiviti / perbuatan yang melanggar undang-undang
- Penerbangan sebagai juruterbang atau anak kapal dalam kapal terbang
- Menunggang / Memandu tanpa lesen
- Ahli Sukan Profesional

- Seni Mempertahankan Diri, Tinju, Aktiviti Udara
- Perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), Percubaan / Penilaian Kelajuan
- Radiasi atau Pencemaran oleh Radioaktiviti
- Liabiliti dianggapkan oleh persetujuan, Liabiliti Majikan, Liabiliti Penduduk, Liabiliti yang berkenaan dengan kegunaan kapal terbang, kenderaan motor
- Perperangan, Pencerobohan, Ancaman Musuh Luar, Permusuhan, Perang Saudara, Pemberontakan, Revolusi, Kuasa Tentera atau Rampasan, Pemberontakan Umum
- Keganasan

PEMBAYARAN MUDAH

Cara Pembayaran Mudah

Di samping bayaran premium dengan wang tunai atau cek, premium juga boleh dibayar dengan menggunakan kad kredit anda.

PEKERJAAN-PEKERJAAN YANG DIKECUALIKAN

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Penyelam • Polis, Tentera dan Pegawai Penguatkuasa Undang-undang • Pencuba / Penilai Kapal Terbang, Juruterbang atau Anak Kapal • Pelaut dan Nelayan Laut • Pemandu Lumba Litar • Joki • Pekerja Pelantar Minyak • Penggergaji Balak dan Pembalak • Ahli Bomba • Wartawan Perang | <ul style="list-style-type: none"> • Tukang Menara • Pemunggh Karga • Orang yang terlibat dalam kerja merobohkan bangunan • Orang yang terlibat dalam perkhidmatan ambulans • Jurumesin Kerja Kayu • Pengurus bahan letupan • Orang yang terlibat dalam membuat terowong bawah tanah dan Perlombongan • Ahli Sukan Profesional • Penghibur Profesional |
|---|---|

KELAYAKAN

Umur Kelayakan : 30 hari sehingga 65 tahun (Pembaharuan sehingga 75 tahun)

Dengan syarat:

- * Kanak-kanak berumur 30 hari hingga 12 tahun layak menyertai Pelan sehingga RM50,000 (tanpa Manfaat Mingguan)
- * Kanak-kanak berumur 13 hingga 17 tahun layak menyertai Pelan sehingga RM100,000 (tanpa Manfaat Mingguan)

Klasifikasi Pekerjaan

- Kelas 1 : Profesion dan pekerjaan melibatkan tugas bukan manual, pentadbiran atau pengkeranian, hanya di pejabat atau tempat yang tidak berbahaya.
- Kelas 2 : Profesion dan pekerjaan yang kadangkala melibatkan kerja manual ringan, atau yang melibatkan perjalanan, atau tugas penyeliaan, pendedahan kepada risiko daripada bahaya khas.
- Kelas 3 : Profesion dan pekerjaan melibatkan kerja manual ringan tetapi tidak melibatkan penggunaan alatan kuasa seperti memotong, mengisar, atau alatan menggergaji atau melombong, pembalakan dan aktiviti lain yang serupa yang bersifat berbahaya.

Nota Penting:

- * Suri rumahtangga atau pesara tidak layak menerima Manfaat Mingguan
- * Hanya Satu Pelan dibenarkan bagi setiap Orang Yang Diinsuranskan
- * Bagi Polisi kumpulan, tertakluk kepada had perjalanan RM10 juta setiap kemalangan

JADUAL			
Faedah	Pelan	TGE1 (RM)	TGE2 (RM)
Kematian		50,000	100,000
Hilang Upaya Kekal		50,000	100,000
Indemniti Berganda		100,000	200,000
Indemniti tambahan untuk kemalangan di rumah		12,500	25,000
Faedah Kewajipan Kewangan			
Transfusi Darah		5,000	10,000
Perlindungan Ehsan			
Pembedahan Pergigian atau Pembaikan Kosmetik		5,000	5,000
Liabiliti Diri		75,000	150,000
Belanja Perubatan (Termasuk Demam Denggi, Malaria, JE, SARS, Zika atau Chikungunya)			
• Rawatan Tradisional - RM50 bagi setiap sesi rawatan. Maksima RM500 bagi setiap kemalangan		3,500	4,500
Elaun Perkabungan (Demam Denggi, Malaria, JE, SARS, Zika atau Chikungunya)		5,000	10,000
Elaun Tunai Hospital (sehingga 180 hari)		75	75
Faedah Mingguan (sehingga 52 minggu)		50	75
Pembayaran Balik Belanja untuk Prostesis / Kerusi Roda		1,000	1,000
Keguguran (akibat kemalangan kenderaan)		1,000	1,000
Faedah Penculikan			
- Perbelanjaan		5,000	5,000
- Hadiah		25,000	25,000
Luka Terbakar Yang Serius (Tahap Ketiga)		5,000	5,000
Mati Pucuk atau Kemandulan		5,000	10,000
Bayaran Ambulans		2,000	2,000
Elaun Pengebumian (akibat kemalangan)		6,000	6,000
Belanja Penghantaran Pulang Jenazah		10,000	10,000
Pampasan Ragut		350	350
*Jumlah Premium Tahunan dengan Faedah Mingguan (RM)			
Pekerjaan Kelas 1 dan 2		136.00	206.00
Pekerjaan Kelas 3		186.00	286.00
*Jumlah Premium Tahunan tanpa Faedah Mingguan (RM)			
Pekerjaan Kelas 1 dan 2		96.00	166.00
Pekerjaan Kelas 3		156.00	256.00

* Tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan RM10.00 Duti Setem

FAEDAH

TGE3 (RM)	TGE4 (RM)	TGE5 (RM)	TGE6 (RM)	TGE7 (RM)	TGE8 (RM)
150,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
150,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
300,000	400,000	600,000	1,000,000	1,500,000	2,000,000
37,500	50,000	75,000	125,000	187,500	250,000
10% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM50,000 yang mana lebih rendah					
15,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
200 seminggu sehingga 1,000					
5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
225,000	300,000	450,000	750,000	1,125,000	1,500,000
5,500	6,500	7,500	8,500	9,500	10,000
15,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
75	100	100	175	175	225
100	125	150	250	375	500
1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
5,000	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
25,000	25,000	25,000	25,000	25,000	25,000
5,000	5,000	5,000	10,000	10,000	10,000
15,000	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000
6,000	6,000	6,000	6,000	6,000	6,000
10,000	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000
350	350	350	350	350	350
276.00	356.00	476.00	816.00	1,096.00	1,436.00
396.00	546.00	796.00	N/A	N/A	N/A
216.00	286.00	396.00	636.00	896.00	1,186.00
366.00	496.00	746.00	N/A	N/A	N/A

Notis: Risalah ini bukannya satu dokumen kontrak. Sila rujuk pada polisi untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Generali Insurance Malaysia Berhad

197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,
27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.



www.generali.com.my



1 300 13 2121 atau +603 3007 2121



customer.service.gi@generali.com.my



Generali Insurance Malaysia Berhad dlesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK

Risalah ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan definisi yang tepat dinyatakan dalam polisi insurans.

Nota Penting:

1. Sila baca risalah ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans The Gladiator Enhanced. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am yang terdapat pada Lembaran Pendedahan Produk.
2. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami terus untuk keterangan lanjut.